



*Sambutan*

# **Maulidur Rasul SAW**

PERINGKAT KEBANGSAAN

TAHUN 1445H | 2023M

12 RABIULAWAL 1445H | 28 SEPTEMBER 2023M

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI



سَمُّوْتَرَفُوْا لِدَالِ الرَّسُوْلِ ﷺ فَرِحْنَا بِكُمْ جَسَّارًا

*Sambutan*

# *Maulidur Rasul SAW*

PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 1445H | 2023M





**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**


D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),  
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K.(Selangor),  
Order of The State of The Republic of Turkiye.






**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
TUNKU AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI  
ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**

D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Johor)., S.P.M.J., D.K.(Brunei)







## **Kata Alu-Aluan YAB Perdana Menteri**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tanggal 12 Rabi' al-Awwal saban tahun kita mengenang hari keputeraan Baginda Nabi Muhammad SAW, seorang tokoh agung yang menjadi teladan buat umat manusia. Namun waspada, ini bukan perayaan rutin tanpa sebarang makna, sebaliknya kita dituntut untuk memperingati serta menghayati liku-liku perjuangan Baginda SAW dan mesej kemanusiaan sejagat yang digalas dengan keringat dan air mata. Hanya apabila sesuatu bangsa itu diperingatkan dan disedarkan dengan sejarahnya, maka barulah mereka bingkas berkeyakinan, punyai jati diri dan lebih berdaya saing.

Baginda SAW, yang juga manusia biasa (*bashar*) seperti kita jelas menjadi bukti perkara bahawa yang paling bernilai dalam hidup ini adalah keluhuran budi dan akhlak pekerti. Risalah dakwah yang disampaikan dengan penuh hikmah dibalas dengan makian tanpa sekelumit ihsan. Namun kesabaran sang Nabi memadamkan api kebencian sebelum akhirnya membuahakan hasil apabila hadirnya berduyun-duyun warga Mekah menemui Baginda SAW sambil mengikrarkan taat setia.

Komplot dan maki hamun oleh para elit penguasa Mekah tidak menghambat usaha Baginda SAW dalam menggerakkan islah dan *taw'iyah* (*conscientization*) secara berterusan. Hasilnya, selepas 23 tahun, Baginda SAW berjaya membina satu kekuatan baru yang mantap dan hampir tidak tertumbangkan. Pemugaran identiti daripada etos kearaban yang sempit kepada pemusatan tauhid telah membawa kepada berputiknya sebuah peradaban Madani di jazirah Arab yang kering kontang.

Dalam khutbah haji terakhir, Baginda SAW merumuskan bahawa tiap insan, biar apa sekalipun agama dan bangsanya, masing-masing tetap harus dibela. Tidak lebih mulia seorang Arab ketimbang bukan Arab dan sebaliknya, kecuali atas dasar taqwa. Kesedaran bahawa tiap manusia itu berasal dari Adam, dan Adam pula berasal dari tanah menyerlahkan lagi tuntutan ketawadukan merentasi jalur kaum dan ideologi.

Justeru, bersempena Sambutan Maulidur Rasul SAW ini harus kita tentukan di manakah kemajuan akhlak kita dibandingkan dengan akhlak teladan Baginda SAW. Ingatan juga buat diri ini, bahawa harus ada tekad untuk islah menegakkan keadilan dengan sedaya upaya agar iltizam murni yang terbit dari damir nurani yang dambakan kebaikan akan terus membara.

Akhirul kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan pada kali ini. Tema “Perpaduan Teras Malaysia Madani” pada tahun ini membawa harapan yang tinggi agar visi Malaysia Madani yang adil dan makmur buat seluruh rakyatnya menjadi kenyataan. Saya berdoa memohon agar Allah SWT memberkati segala usaha ini dan moga-moga ia diterima sebagai amal soleh di sisiNya.

Sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**



## **Kata Alu-Aluan YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ وَقُدْوَةً لِّلنَّاسِ أَجْمَعِينَ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan InayahNya sekali lagi dapat kita menjayakan penganjuran Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1445H bersamaan 2023M.

Sesungguhnya kelahiran Rasulullah SAW telah menyinari kehidupan manusia. Selain diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia, baginda juga berjaya menyatupadukan bangsa Arab yang sekian lama bersengketa. Qudwah terbaik yang ditonjolkan Baginda SAW dirakamkan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat ke 21 yang bermaksud;

***“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang terbaik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) di hari akhirat”***

Bertepatan dengan Tema Sambutan Maulidur Rasul SAW tahun ini iaitu ‘Perpaduan Teras Malaysia Madani’, maka saya menyeru marilah kita hayati sunnah Baginda SAW sebagai panduan. Suburkanlah risalah dakwah bukan sekadar melalui kata-kata, tetapi dibuktikan melalui perbuatan jua. Eratkan perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia kerana risalah dakwah yang dibawa oleh Baginda SAW adalah risalah yang paling sempurna dan memenuhi keperluan manusia di pelbagai zaman dan suasana.

Sehubungan itu, usaha kerajaan menganjurkan Sambutan Maulidur Rasul SAW setiap tahun adalah sebagai wadah dalam memartabatkan syiar Islam. Pengiktirafan yang diberikan kepada individu terpilih pula adalah berdasarkan sumbangan besar yang telah berikan kepada rakyat dan negara khususnya terhadap pembangunan Islam. Justeru saya amat optimis bahawa penganjuran Sambutan Maulidur Rasul SAW ini akan memberi impak yang sangat baik dalam diri kita melalui penghayatan dan amalan soleh dalam setiap aspek kehidupan seiring dengan sunnah Baginda Rasulullah SAW.

Saya juga mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua rakan strategik JAKIM yang berjaya merealisasikan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M. Semoga sentiasa diberkati dan dilimpahi ganjaran di sisi Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**



## **Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْخَلْقِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar di hari Keputeraan Baginda Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW merupakan *qudwah hasanah* untuk dihayati setiap muslim sepanjang zaman sehingga nikmat Islam dapat kita rasai hingga ke hari ini. Semangat dan kecintaan kepada Baginda SAW ini bukanlah hanya perlu diterapkan ketika sambutan ulang tahun kelahiran Baginda SAW sahaja, tetapi perlu disemarak dan disemai dalam jiwa setiap umat Islam sebagai bukti ketulusan cinta kita terhadap Rasulullah SAW setiap masa. Penganjuran Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan merupakan wadah Kerajaan dalam memartabatkan syiar Islam dan mengiktiraf individu-individu yang telah menyumbang kepada pembangunan Islam di Malaysia khususnya.

Sambutan Maulidur Rasul SAW juga adalah bukti kecintaan dalam menjaga pusaka yang ditinggalkan Baginda SAW iaitu al-Quran dan hadith. Amalkanlah sifat terpuji seperti sifat para nabi iaitu benar (siddiq), amanah, menyampaikan (tabligh) dan bijaksana (fatanah) serta diterjemahkan sifat ini di dalam kehidupan seharian kita. Semoga Islam menjadi agama yang disayangi serta dicontohi, bertepatan dengan ayat al-Quran bahawa Islam dan kerasulan Nabi Muhammad SAW pada akhir zaman adalah rahmat Allah kepada seluruh alam.


Tema Sambutan Maulidur Rasul SAW tahun ini “Perpaduan Teras Malaysia Madani” adalah bertepatan dengan teras strategik Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan yang ditunjangi prinsip adil dan ihsan. Ini juga adalah sebahagian usaha JAKIM sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam menyuburkan risalah dakwah di Malaysia. Namun begitu, tugas dakwah ini bukanlah tugas individu sahaja, tetapi ia adalah tugas kita bersama walau di mana kita berada. JAKIM dalam hal ini sentiasa komited dalam melaksanakannya selari dengan dasar kewujudan JAKIM sendiri.

Maka pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan strategik JAKIM yang telah bersama-sama saban tahun dalam merealisasikan penganjuran Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan. “Serumpun bak serai, sesusun bak sirih” telah membuktikan kerjasama erat antara semua telah menatijahkan sambutan yang gilang-gemilang ini dan berharap kerjasama ini berterusan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF**



# **Ulasan Tema**

## **“Perpaduan Teras Malaysia Madani”**

### **Mukadimah**

Perpaduan merupakan tunjang kepada Masyarakat Madani, yang maju bukan hanya dari segi kebendaan tetapi juga fikrah dan kerohanian. Sekiranya Allah berkehendak, nescaya semua manusia dijadikan-Nya satu umat sahaja, namun sebaliknya Allah hendak menguji manusia dengan mencipta segala kepelbagaian. Justeru wujud kepelbagaian keupayaan dan keinginan, profesion dan pekerjaan; dan manusia diseru agar berlumba-lumba berbuat kebajikan, bukan merosakkan dan bermusuhan antara satu dengan yang lain.

Perbezaan gender dan kepelbagaian bangsa diberikan matlamat yang mulia dalam ayat universal surah *al-Hujurat*, 49: 13 yang bermaksud:

*“Wahai umat manusia. Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)”*

### **Ukuran Kemuliaan: Ilmu, Akhlak dan Jasa**

Kriteria kemuliaan ialah ketaqwaan, yang terdiri daripada ilmu, akhlak, adab dan jasa ikhlas membangun peradaban bangsa. Kuasa, pangkat, harta dan warna kulit bukan ukuran Islam. Dalam praktis Nabi SAW dan para sahabat di Madinah, tidak wujud penganiayaan berdasarkan kaum kelahiran atau warna kulit. Bahkan sejarah merakamkan bagaimana seorang Islam yang berkulit coklat dan berhidung pesek mungkin saja meraih taqwa, kemuliaan, dan kepimpinan masyarakat Madinah, seperti Bilal bin Rabah.

Seorang bekas abdi kulit hitam yang bernama Zayd bin Harithah pula telah dimerdekakan oleh Rasulullah SAW, dan diambil sebagai anak angkat. Hasil perkahwinannya dengan Umm Ayman Barakah yang juga bekas hamba yang dimerdekakan lahirlah seorang putera yang bernama Usamah. Beliau dilantik Nabi SAW menjelang kewafatannya sebagai pemimpin kepada angkatan tentera yang membariskan tokoh ternama Quraisy seperti Saidina Abu Bakar, Saidina ‘Umar, Khalid ibnul Walid, Abu ‘Ubaydah, Talhah, dan Zubayr.

Demikian pelaksanaan seruan Perpaduan dalam surah *an-Nisa'* (4:1) yang bermaksud:

*Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.*

Ayat tersebut memberikan panduan bahawa meskipun wujud kepelbagaian, namun masing-masing tetap ada kewajiban untuk mengusahakan perpaduan dengan yang lainnya, berdasarkan kepada hakikat sifat kemanusiaan, sama seketurunan dicipta-Nya daripada tanah daripada satu bapa dan ibu iaitu Adam dan Hawa', sama-sama bersaudara biologikal seolah-olah abang, kakak dan adik beradik.

Masyarakat Madani mampu mencapai kemajuan yang seimbang tanpa perlu membelakangkan orang yang berlainan warna kulit, berlainan kaum, berlainan bahasa, atau berlainan jantina.

### **Saling Kenal Mengenal (Ta'āraf)**

Ke arah memperkukuh masyarakat Madani yang membangun dari segi kecerdasan minda dan kecekalan hati, sains, teknologi dan telekomunikasi, kita wajib untuk saling kenal-mengenal. Berkonsepskan *Li-ta'ārafū*, kesemua suku-kaum dan bangsa, individu lelaki dan wanita, semuanya satu keluarga manusia yang mulia, yang perlu hormat menghormati dan saling melindungi antara satu sama lain.

Kita harus menghargai perpaduan manusia yang hakiki, yang lebih utama daripada perbezaan luaran. Perbezaan luaran hanyalah suatu label untuk memudahkan kita mengenal ciri dan sifat-sifatnya, bukan untuk melakukan kezaliman dan penindasan.

Nilai-nilai penting masyarakat seperti keamanan, kedamaian dan ketenteraman adalah antara anugerah tertinggi daripada Tuhan. Islam mewajibkan hubungan sesama manusia berdasarkan rasa belas-ihsan, kemesraan dan setiakawan. Ia menggalakkan sifat berlapang dada, saling memaafkan kelemahan,



bermurah hati, ramah-tamah, dan sukacita apabila orang lain meraih kejayaan dan kemakmuran. Rasulullah SAW menganjurkan berbelas-kasihan dan sopan-santun dalam perhubungan. Sabdanya, “Daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: “Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.” [Riwayat al-Bukhari (13)].

### **Perpaduan Antara Kaum dan Bahasa**

Menurut Sejarah, negara kita Malaysia terletak dalam kawasan yang dahulunya adalah sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu - Islam sebelum zaman penjajahan kuasa-kuasa Barat seperti Portugis dan Belanda. Mulai akhir abad ke-18 hingga 19, kita dijajah oleh Inggeris (oleh Jepun antara tahun 1942-1945). Dasar utama Inggeris adalah menggalakkan kedatangan kaum Cina dan India untuk bekerja di negara ini, sebagai pembekal barangan keperluan atau komoditi kepada British dan negara-negara Barat yang sedang pesat mengalami revolusi industri. Apabila kita merdeka sebagai Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1957, dan dengan pembentukan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak dalam tahun 1963, maka negara kita sekarang ini mempunyai komposisi kaum yang unik lagi istimewa, yang mencerminkan bangsa besar dunia.

Dari sini terbayang kepelbagaian Bahasa : tahukah kita, bahawa warga Malaysia seluruhnya bertutur dalam sejumlah 137 bahasa hidup? Sementara bahasa kebangsaan berperanan menyatukan kita, Malaysia turut diperkayakan dengan bahasa Iban, Dusun, Tamil, dan pelbagai bahasa daerah selatan China seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew, Fuchow dan Hainan. Justeru peranan bahasa kebangsaan yang amat penting untuk menjadi saluran perhubungan yang sejahtera pada peringkat nasional. Hal ini turut disebut oleh Allah SWT dalam surah *al-Rum*, 30:22 yang bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berilmu.”*

Untuk itu, jelaslah bahawa dalam kesungguhan mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan, tiada bahasa dan bangsa yang dinafikan ruang dan peluang yang seadilnya.

### **Perpaduan Antara Penganut Agama**

Agama-agama lain di dunia juga hidup bertumpu di Malaysia seperti Kristian, Hindu, Buddha, dan ajaran Lao Tzu dan Kung Fu Tzu. Sebagai menghormati kepercayaan yang pelbagai, Perlembagaan Malaysia menjamin kebebasan beragama, sungguhpun Islam selaku agama yang paling ramai penganutnya merupakan agama bagi Persekutuan.

Keamanan dan rukun-damai amat penting, kerana untuk tiap 10 warga Malaysia terdapat 6 orang Islam, 2 Buddha, 1 Kristian, dan 1 agama-agama lain, seperti Taoisme, Hinduisme, Sikhisme, dan pelbagai lagi. Keadilan dan kesaksamaan turut merangkum kepelbagaian dalam sistem kehakiman: Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah, dan Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.

Allah melarang kita daripada menghina sebarang sembah penganut agama lain, kerana akan menimbulkan kemarahan, dendam dan kedengkian, hingga mereka membalas menghina Allah secara yang melampaui batas permusuhan dan dengan ketiadaan pengetahuan.

Jelas bahawa sentimen mementingkan diri, semangat berpuak-puak dalam kezaliman, bermusuhan dan saling membenci tidak wajar digalakkan di bumi bertuah ini. Kita harus sedar bahawa aset kita yang paling mahal ialah warga Malaysia yang mengutamakan kerukunan, kedamaian dan kesepakatan dalam menghadapi pelbagai cabaran. Inilah sebenarnya hasrat tema Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan pada tahun ini iaitu Perpaduan Teras Malaysia Madani.

# ***Penerima Anugerah***

***Sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan  
Tahun 1444H bersamaan 2022M***

## ***Anugerah Perdana***

**Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir  
Tokoh Korporat**

## ***Ikon Sains dan Peradaban***

**Prof. Dato' Dr Azizan bin Baharudin  
Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)**

## ***Ikon Aktivis Kemanusiaan***

**Puan Shazrina Binti Azman (Mizz Nina)  
Selebriti**

## ***Ikon Media Islam***

**Tuan Haji Ahmad Noor bin Sulaiman  
Penerbit Eksekutif (Pengisian Kandungan Islam) TV3 dan TV9**

## ***Ikon Korporat Islam***

**Dato' Mohd Khay bin Ibrahim  
Pengasas Kumpulan Zikay**

## ***Ikon Ibu Sejati-Keluarga Malaysia***

**Puan Chee Hoi Lan  
Pesara guru Tadika**

## ***Ikon Kaunselor dan Motivasi***

**Tuan Haji Hushim bin Haji Salleh  
Pakar kaunseling**

# **Atur Cara Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H Bersamaan 2023M**

**Tarikh : 28 September 2023 (Khamis)**

**Tempat : Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**

- Sebelum** : Ketibaan tetamu jemputan
- 9.30 pagi**
- 9.40 pagi** : Ketibaan YAB Timbalan Perdana Menteri
- 9.50 pagi** : Ketibaan YAB Perdana Menteri dan isteri
- 10.00 pagi** : Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
- Lagu Negaraku
  - Bacaan doa
  - Tayangan video khas
  - Sembah ucapan alu-aluan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
  - Titah Diraja
  - Pengumuman penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M
  - Tayangan klip video penerima anugerah

- Upacara pengurniaan Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M
- Persembahan khas
- Lagu Negaraku

**11.30 pagi**

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat meninggalkan majlis
- YAB Perdana Menteri dan isteri meninggalkan majlis
- YAB Timbalan Perdana Menteri meninggalkan majlis
- Majlis bersurai

## ***Jawatankuasa Pelaksana***

### ***Jawatankuasa Media dan Publisiti***

Kementerian Komunikasi dan Digital

### ***Jawatankuasa Sambutan dan Protokol***

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri

### ***Jawatankuasa Buku Cenderamata***

Jabatan Penerangan Malaysia

### ***Jawatankuasa Persembahan Khas***

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

### ***Jawatankuasa Keselamatan dan Trafik***

Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya

### ***Jawatankuasa Perubatan dan Kecemasan***

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

### ***Jawatankuasa Penerima Anugerah***

Institut Latihan Islam Malaysia (ILM)

### ***Jawatankuasa Kewangan***

Bahagian Kewangan, JAKIM

### ***Jawatankuasa Hadiah***

Bahagian Penyelidikan, JAKIM

***Jawatankuasa Jemputan Kontinjen dan Perarakan***

Bahagian Dakwah, JAKIM

***Jawatankuasa Logistik, Persiapan Tempat dan Perjalanan  
Majlis***

Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar, JAKIM

***Jawatankuasa Jemputan Kenamaan***

Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar, JAKIM

***Jawatankuasa Siaran Langsung***

Bahagian Penyiaran, JAKIM

***Jawatankuasa Penerbitan Khas***

Bahagian Penerbitan, JAKIM

***Jawatankuasa Jamuan dan Keraian***

Bahagian Pendidikan, JAKIM

***Jawatankuasa Kebajikan dan Pengangkutan***

Bahagian Khidmat Pengurusan, JAKIM

# ***Sekalung Penghargaan***

- 1. Istana Negara***
- 2. Jabatan Perdana Menteri***
- 3. Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia***
- 4. Kementerian Kesihatan Malaysia***
- 5. Jabatan Penyiaran Malaysia***
- 6. Angkatan Tentera Malaysia***
- 7. Polis Diraja Malaysia***
- 8. Jabatan Penerangan Malaysia***
- 9. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara***
- 10. Jabatan Kerja Raya***
- 11. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya***
- 12. Balai Bomba Presint 7 Putrajaya***
- 13. Agensi Pertahanan Awam Malaysia***
- 14. Tv Alhijrah***
- 15. Hospital Putrajaya***
- 16. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)***
- 17. Perbadanan Putrajaya***
- 18. Putrajaya Holdings***
- 19. Berjaya Starbucks Coffee Company Sdn. Bhd.***
- 20. Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd.***
- 21. Nestlé Malaysia***
- 22. Malaysia Association For The Blind (Mab)***
- 23. Ikonik Eye Specialist and General Health Centre (Aesthetic)***
- 24. Gardenia Bakeries (Kl) Sdn. Bhd.***



# ***Nota***

# ***Nota***

# ***Nota***

# ***Nota***



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100 Putrajaya.

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia bagi pihak Jawatankuasa Induk  
Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M  
B.015 (B.M) SEPTEMBER 2023 (0.500)



سَمُّوتَهوْ لِلرَّسُوْلِ  
قَرِيْحِيْكَ كَجَسِيْنِ

تاهون 1445 هـ | 2023 م  
12 ربيع الأول 1445 هـ | 28 سبتمبر 2023 م  
فوست كونونيشن انتارابغسا فوتراجاي



فرقادوان ترس مليسيا مدني